

07 DEC 2000

LEAD Aziz-Umno

AZIZ TARIK PELETAKAN JAWATAN, MAHU PERUBAHAN DALAM UMNO

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir berkata beliau mahu meneruskan tugas sebagai Naib Ketua Pemuda Umno kerana mahu membantu parti mendapatkan semula sokongan daripada kaum Melayu.

Mengesahkan, beliau telah menarik balik surat peletakan jawatan yang dihantar kepada presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lepas, beliau berkata niat awalnya untuk bersara adalah serius dan bukannya sandiwara.

"Saya meneruskan tugas dengan harapan Umno akan berubah kerana saya tidak mahu dikaitkan dengan kegagalan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Exco pergerakan itu di sini.

Aziz berkata beliau mengubah fikiran selepas bertemu Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein sehari selepas menghantar surat peletakan jawatan itu kepada Dr Mahathir.

Dilaporkan dalam akhbar hari ini Aziz memutuskan untuk meletakkan jawatan, yang dimenangnya dalam pemilihan parti enam bulan lalu, berikutan kritikan bahawa pergerakan itu gagal memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil kawasan Lunas 29 Nov lepas.

Beliau berkata apabila beliau menemui Hishammuddin, mereka memutuskan untuk terus berjuang dan membuktikan kritikan tersebut adalah tidak benar.

Aziz berkata adalah tidak tepat menyalahkan pergerakan pemuda Umno kerana kekalahan BN di Luans, kerana terdapat banyak faktor lain.

"Bukan soal parti pujuk saya tarik balik. Saya tidak banyak masa, apabila saya mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan, saya tidak mahu membuang masa saya ... tetapi orang ramai berpendapat sudah sampai masanya Umno membuat perubahan, dengan harapan Umno mahu berubah, saya akan terus berkhidmat tetapi Umno mesti berubah" katanya.

Beliau berkata Umno mesti berubah untuk menunjukkan ialah adalah parti rakyat.

Hishammuddin berkata isu peletakan jawatan Aziz itu tidak dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada Jumaat lepas tetapi ia dibangkitkan pada mesyuarat Exco Pemuda hari ini.

-- BERNAMA

AR AZZ RI